

Kes Adib: Sukar kaitkan 12 individu

Oleh **NURAINA HANIS
ABD. HALIM**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 2 OKT.**

POLIS setakat ini tiada keterangan jelas untuk mengaitkan 12 individu yang disiasat berhubung kes kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim dalam kejadian rusuhan di Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya dekat sini, tahun lalu.

Bagaimanapun, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan dan Undang-undang (D5), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Senior Asisten Komisiner, Mior Faridalathrash Wahid berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan akan memanggil semula kesemua individu tersebut jika ada keterangan lain yang menyokong pembabitannya mereka.

Bagaimanapun, katanya, siasatan kes berkenaan menunjukkan bahawa tiada keterangan

jelas untuk mengaitkan mereka yang ditahan sebelum ini dengan kejadian tersebut.

"Ada ramai yang bertanya mengenai empat orang ini, walaupun tangkapan melibatkan 12 individu dan kesemua mereka dibebaskan dengan jaminan polis.

"Jadi kita (polis) tidak nampak isu untuk individu terbabit untuk melarikan diri ke luar negara kerana siasatan sudah pun dijalankan terhadap mereka," katanya dalam sidang akhbar di

Ibu pejabat Polis Bukit Aman di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung persoalan ahli politik pembangkang sama ada empat individu yang sebelum ini ditahan berkaitan kematian Muhammad Adib masih berada di dalam negara atau sebaliknya.

Dalam pada itu, Mior Faridalathrash turut meminta semua pihak berhenti mengeluarkan sebarang kenyataan.

"Kita telah jelaskan yang sia-

satan kes ini diteruskan seperti diputuskan Mahkamah Koroner yang mengatakan dua orang atau lebih terbabit dalam kejadian berkenaan. Apabila kita selesai siasat, kita akan kemukakan kertas siasatan pada Peguam Negara untuk arahan lanjut," ujarnya.

Jumaat lalu, Koroner Rofiah Mohamad, memutuskan punca kematian Muhammad Adib adalah akibat perbuatan jenayah oleh dua atau lebih individu yang tidak dikenali.